



MAHKAMAH NEGERI SELANGOR
PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA (PKPMP)

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah Kod Bidang **020102 (Barangan Hiasan Dalaman Dan Aksesori) DAN 020403 (Bahan Pencuci Dan Pembersihan)** yang masih sah pendaftarannya sekurang-kurangnya tiga bulan dari tarikh pelawaan sebutharga ini, dibenarkan menyertai sebutharga berikut :

NO. SEBUTHARGA :MNS(S)/HYGIENE/SHAH ALAM/01/2018
TAJUK SEBUTHARGA :PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MEMASANG DAN MENYELENGGARA 'AIR HYGIENE FRESHENER' DAN 'SANITARY HYGIENE BIN' BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN UNTUK SELURUH MAHKAMAH NEGERI SELANGOR
TARIKH BUKA :14.03.2018 (RABU)
TARIKH TUTUP :20.03.2018 (SELASA) JAM 12.00 TENGAHARI

Dokumen Sebutharga boleh diperoleh mulai **14.03.2018 (Rabu)** secara manual. Paparan iklan boleh dilihat di **Portal Rasmi Pejabat Ketua Pendaftar** pada **14 Mac 2018**.

Syarikat mestilah berdaftar dengan **ePerolehan**. Tawaran Teknikal dan Tawaran Kewangan hendaklah dikemukakan secara manual berserta dokumen sokongan sebelum atau pada tarikh tutup Sebut Harga pada **20.03.2018 (Selasa) jam 12.00 Tengahari**. Setiap cadangan Sebut Harga hendaklah mengandungi Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang mesti dimasukkan ke dalam 2 sampul surat berasingan dan ditandakan dengan betul sebagai "**SAMPUL PERTAMA (A)- CADANGAN TEKNIKAL**" dan "**SAMPUL KEDUA (B)- CADANGAN KEWANGAN**" Kedua-dua sampul surat itu hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat yang lebih besar dan dimeterai dengan rapi dan ditulis di sebelah atas kiri sampul surat "**Sebut Harga No : MNS(S)/HYGIENE/SHAH ALAM/01/2018** dan dialamatkan jelas kepada:

**Pengarah,
Pusat Tanggungjawab,
Mahkamah Negeri Selangor,
Tingkat 1, Sayap Kanan, Bangunan MSSAAS,
Persiaran Pegawai, Seksyen 5,
40000, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan**

Dokumen Tawaran tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan di Pusat Tanggungjawab, Mahkamah Negeri Selangor, Tingkat 1, Sayap Kanan, Bangunan MSSAAS, Persiaran Pegawai, Seksyen 5, 40000, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan sebelum tarikh tutup seperti yang dinyatakan di atas.

* Tawaran yang dihantar secara manual hanya boleh digunapakai apabila gangguan kepada sistem e-Perolehan (aplikasi, pangkalan data dan infrastruktur di Data Centre e-Perolehan) yang diperakukan oleh Unit e-Perolehan Kementerian Kewangan berlaku pada hari Sebut Harga ditutup.

Pihak kerajaan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan atau kehilangan mana-mana sebutharga yang dikemukakan melalui pos. Penjelasan lanjut hubungi pegawai berikut :

Berkaitan Perolehan: 1) Puan Siti Aisyah binti Abdullah (Tel : 03-5517 1472)
2) Puan Rohayu binti Ramli (Tel : 03-5517 1476)